

Gaji kakitangan awam dijangka naik

7 s/w w.n
7/02/07

KUALA LUMPUR
6 Mac - Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini berhubung kenaikan gaji memberi petanda positif kepada lebih sejuta kakitangan sektor awam.



OMAR OSMAN

Menurut Presiden Cuepacs, Omar Osman, Perdana Menteri menyifatkan cadangan menaikkan gaji itu amat wajar memandangkan kali terakhir gaji kakitangan awam disemak 15 tahun lalu pada 1992.

Omar yakin kenaikan itu dapat dilaksanakan tahun ini berdasarkan maklum balas Perdana Menteri kepada Cuepacs dalam pertemuan kira-kira sejam di bangunan Parlimen, hari ini.

Beliau yang enggan mengulas lanjut mengenai jumlah kenaikan itu berkata, Cuepacs kini hanya menunggu pengumuman rasmi daripada kerajaan mengenai perkara itu.

"Ada kenaikan gaji tahun ini. Kita sudah nampak bayang-bayang. Ia berita baik. Pertemuan bersama pemimpin tertinggi negara hari ini pun sangat positif.

"Kita lega dengan penerangan Perdana Menteri. Kita hanya tunggu masa sesuai untuk umumkan," katanya kepada pemberita selepas pertemuan berkenaan.

Turut serta dalam pertemuan itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Ismail Adam dan 10 pegawai tertinggi Cuepacs.

Sementara itu, Ismail ketika dihubungi memberitahu, kerajaan sedang mengkaji kewajaran tuntutan kenaikan gaji oleh Cuepacs secara menyeluruh.

"Sehingga ini tiada kadar spesifik yang telah diputuskan mengenai kenaikan gaji.

"Sebarang keputusan terletak pada kerajaan," ujarnya.

Cuepacs sebelum ini mengemukakan cadangan semakan gaji daripada 10 peratus sehingga 40 peratus.

Kenaikan gaji 40 peratus yang dicadangkan adalah untuk kumpulan sokongan II, Gred 1 hingga 16 yang merupakan jawatan terendah dalam sektor awam manakala bagi kumpulan sokongan I, Gred 17 hingga 26 dan Gred 27 hingga 40 pula kadar kenaikan dicadangkan sebanyak 30 peratus.

Bagi kumpulan pengurusan dan profesional, Gred 41 hingga 54, Cuepacs mencadangkan kenaikan gaji 20 peratus manakala bagi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) sebanyak 10 peratus.

Menurut Omar, Cuepacs berharap kenaikan gaji itu dapat dilaksanakan pada 1 Mei ini sempena Hari Pekerja dan sambutan 50 tahun kemerdekaan sebagai penyuntik semangat kepada kakitangan awam untuk bekerja lebih kuat.

Dalam perkembangan lain, Omar berkata, turut dibincangkan dalam pertemuan dengan Abdullah ialah pembayaran pencen mengikut tempoh perkhidmatan dan skim Faedah Pencen Bercarum (FPB) bagi menggantikan pencen terbitan yang ingin diperkenalkan oleh kerajaan.

Mengenai peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Omar menjelaskan, perkara itu tidak disentuh dalam pertemuan tersebut dan Cuepacs akan berbincang mengenainya dengan JPA.